ASPIRASI | DEDIKASI | MOTIVASI

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti

PROF. DR. SALMIAH KASOLANG

PENOLONG NAIB CANSELOR (KEUSAHAWANAN)

AKADEMI PEMBANGUNAN PKS & KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED)

Edisi 1/2024

MAJLIS PERTUKARAN PERJANJIAN MOU ANTARA MASMED UITM & FMMC TEGUH RESOURCES & MAJLIS PERASMIAN UITM UNI-SPA

INKUBATOR MASMED, MTDC UiTM SHAH ALAM, SELANGOR

Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana pada hari ini kita diberikan keizinan untuk bersama-sama menghadiri MAJLIS PERTUKARAN PERJANJIAN MoU antara MASMED UiTM dan FIRMAX MIRACLE MEDISPA CENTRE (FMMC) TEGUH RESOURCES atau FMMC TEGUH RESOURCES dan MAJLIS PERASMIAN UiTM UNI-SPA. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menzahirkan rasa bangga yang tidak terhingga dengan majlis yang julung-julung kali diadakan ini. Sesungguhnya dedikasi serta semangat yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat terutamanya daripada FMMC Teguh Resources membuktikan bahawa kita mampu menjayakan program inkubator pelajar UiTM bersama-sama rakan industri di Malaysia.

Tahniah dan syabas saya ucapkan juga kepada Pusat Keusahawanan Mahasiswa MASMED selaku peneraju kepada Program Inkubator Pelajar dan juga Jawatankuasa Pelaksana MAJLIS PERTUKARAN PERJANJIAN MoU antara MASMED UiTM dan FMMC TEGUH RESOURCES dan MAJLIS PERASMIAN UiTM UNI-SPA atas usaha yang ditunjukkan sehingga majlis pada hari ini dapat jua akhirnya dilaksanakan. Sesungguhnya iltizam untuk menyahut cabaran yang saya titipkan dalam amanat saya membuktikan komitmen semua dalam upaya untuk mengangkat martabat ekosistem keusahawanan di UiTM ke satu tanda aras yang lebih gemilang.

Penubuhan Uni-Spa ini adalah satu inisiatif unik yang menggabungkan pendidikan dan keusahawanan dalam bidang kecantikan dan spa. Inisiatif ini merupakan langkah yang signifikan dalam memperbanyakkan lagi program-program inkubator di UiTM lebih-lebih lagi dalam bidang kecantikan dan kesihatan yang sangat sinonim dengan wanita. Memetik kata-kata daripada Audrey Hepburn, "Wanita yang paling cantik adalah wanita yang berbahagia". Walaupun hakikatnya kita mengetahui definisi cantik itu sangatlah subjektif. Wanita sememangnya obses kepada perihal kecantikan. Maka tidak hairanlah kalau kita melihat ramai usahawanita mempelopori bidang kecantikan dan kesihatan. Ini kerana cantik dan sihat itu memberikan aura bahagia kepada pemiliknya.

Jika kita menyelusuri sejarah peradaban dahulu, penjagaan diri amat dititikberatkan oleh wanita-wanita hebat sehinggakan rahsia kecantikan mereka tersohor ke serata abad. Kita boleh melihat contoh terbaik seperti Saidatina Siti Khadijah Radhi Allah yang terlibat dalam bidang perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa dan beliau antara wanita cantik yang disebutkan dalam sejarah Islam. Rahsia kecantikan Cleopatra juga masyhur dan dikatakan kecantikannya membius dan tak lekang dek zaman oleh para pemujanya. Nama-nama seperti Datin Sharifah Anisah, Pengasas Syarikat Nona Roguy, Dato' Sri Siti Nurhaliza Taruddin, Pengasas produk SimplySity dan Creation, Noor Neelofa Mohd Noor, Pengasas Naelofar Hijab dan ramai lagi merupakan nama-nama besar yang mewakili usahawanita dan wanita cantik di dalam Malaysia. Namun trend terkini memperlihatkan kaum lelaki juga sudah cenderung ke pusat-pusat kecantikan atau spa kerana menyedari hakikat penjagaan diri amatlah penting dan mampu membiaskan aura yang kuat dan seterusnya membina keyakinan yang tinggi dalam personaliti lelaki tersebut.

PENCAPAIAN INKUBATOR MASMED DAN LATAR BELAKANG INKUBATOR KECANTIKAN DAN KESIHATAN

Hadirin yang dimuliakan,

UiTM Uni-Spa ini adalah program inkubator perniagaan kedua yang dilahirkan oleh MASMED dengan kerjasama FMMC TEGUH RESOURCES selepas kejayaan Inkubator Perniagaan F&B "Mvnch Bite" Cafe. Alhamdulillah sambutan terhadap cafe ini sungguh luar biasa dan kian mendapat tempat di hati penggemar kopi terutamanya dalam kalangan anak muda di kampus ini.

Objektif utama program ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Entrepreneurial Nation" menjelang 2030, selain membentuk pelajar yang holistik dan seimbang serta mengukuhkan kecenderungan mereka untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Program ini juga berhasrat untuk melaksanakan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan dengan sasaran meningkatkan peratusan graduan yang memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Program inkubator yang dikenali sebagai "Beautypreneur" ini membantu syarikat pemula dan usahawan individu dalam mengembangkan perniagaan mereka dan peserta program akan dibimbing selama 6 bulan oleh pakar-pakar yang dilantik. Sepanjang tempoh tersebut, peserta akan menerima bimbingan pakar antaranya Jatidiri Usahawan Muslim, Model Business Canvas, Pengenalan Industri Kecantikan dan Kesihatan, serta Digital Marketing. Selain itu, pelajar juga boleh memilih modul kemahiran seperti Urutan Sukan dan Bekam, Mobile Facial Spa, dan Muslimah Hair Stylish. Dengan persekitaran kolaboratif dan sokongan pakar, program ini memberikan peluang unik untuk pertumbuhan dan perkembangan perniagaan dalam industri kecantikan dan kesihatan yang kompetitif.

Hadirin yang dimuliakan,

Mandat ini dianugerahkan kepada FMMC Teguh Resources sesuai dengan kepakaran dan pengalaman mereka dalam bidang kemahiran kecantikan dan kesihatan yang mana mereka juga menyediakan persijilan dengan kerjasama badan badan syarikat bertauliah SKM. Sebagai sebuah syarikat Bumiputera yang kian menerpa nama, FMMC Teguh Resources juga membekalkan peralatan bantuan mengajar untuk bidang kemahiran kecantikan dan kesihatan serta menawarkan khidmat perunding latihan dan keusahawan untuk mewujudkan pusat kecantikan dan kesihatan. Mereka juga mempunyai kepakaran dalam memberi sokongan kaunseling kepada usahawan yang memerlukan melalui NGO yang ditubuhkan. Ini juga merupakan jalinan kerjasama mereka yang ke 2 bersama MASMED setelah menjadi rakan kolaborasi MASMED bagi program inkubator pelajar x PKNS di SACC Mall yang lalu.

UiTM Uni-Spa ini tidak semata-mata merupakan tempat fizikal untuk menjalankan perniagaan kecantikan, tetapi juga merupakan khazanah pengetahuan, gabungan budaya kreatif, dan persekitaran yang membolehkan perintis dan usahawan membina, menguji, dan melancarkan idea-idea inovatif mereka. Usaha mewujudkan program keusahawanan "Beautypreneur" ini menjadi pendekatan terbaik yang mampu menarik minat siswa untuk memantapkan diri dalam keusahawanan. Melalui program-program latihan dan sesi bimbingan yang dirancang khas, MASMED dan FMMC Teguh resources berhasrat untuk melahirkan generasi baru usahawan terlatih yang tidak hanya berpotensi tinggi dalam bidang kecantikan, tetapi juga mampu mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab kecantikan yang berkembang dan cemerlang di peringkat antarabangsa.

HARAPAN, UCAPAN PENGHARGAAN DAN PENUTUP BICARA

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya kasihi sekalian,

Sebagai pemangkin dan pemacu pertumbuhan dalam industri kecantikan dan kesihatan, kami berharap agar UiTM Uni-Spa ini menjadi pelopor dalam penyelidikan, pembangunan produk, dan penghasilan servis yang mengatasi cabaran semasa dan memenuhi kehendak pasaran global. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah menyumbangkan tenaga, idea, dan sokongan untuk menjayakan pembukaan UiTM Uni-Spa ini.

Dengan itu, marilah kita bersama-sama menapak ke hadapan dengan semangat kecemerlangan dan keyakinan bahawa melalui kesungguhan, kerjasama, dan inovasi, kita mampu mencapai kejayaan dan kemakmuran dalam dunia kecantikan dan kesihatan. Berkat doa yang dipanjatkan sebentar tadi saya berharap agar hari ini akan melakarkan sebuah lagi kejayaan buat FMMC Teguh Resources dan MASMED UiTM dengan mempelbagaikan usahasama dan jaringan kolaborasi antara MASMED UiTM dan pihak industri.

Akhir kata, sokonglah kami dalam mempromosikan lagi Uni-Spa ini dan jangan lupa kongsi-kongsikanlah risalah kami kepada sahabat handai dan rakan taulan anda semua. Tak lengkap rasanya kalau saya tak berpantun dalam ucapan saya ...

Terbang helang tinggi di awan,
Sayapnya patah jatuh ke bumi,
Yang nan elok beritahu kawan,
Yang tak elok beritahu kami.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan "MAJLIS PERASMIAN UiTM UNI-SPA" pada kali ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh. Terima kasih.

Hubungi Kami

Akademi Pembangunan PKS dan Keuahawanan Malaysia (MASMED)
Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

+603-5543 5665 / 5660

https://masmed.uitm.edu.my

korporatmasmed@uitm.edu.my

Kompleks Usahawan, UiTM